

# NEGARA, PENERAPAN NILAI-NILAI AGAMA?

*'Umar Al-Tilmisani*

PENERAPAN NILAI-NILAI AGAMA

## SLOGAN PENERAPAN

---

Negara penerapan nilai-nilai Islam adalah slogan baru yang seringkali terpampang di muka-muka akhbar, di mana tidak siapa pun lagi jahil tentang ahh-ahli penanya. Begitu juga telah diketahui arah tujuan dan sasaran ideologi golongan ini. Inilah suatu syi'ar atau slogan baru yang belum pernah wujud, apatah lagi hendak dikenali semenjak Islam. Malahan Islam menolak dan membantah terhadap slogan ini samada di sudut lafaz mahupun maknanya. Sebabnya, kerana Islam tidak membeza bezakan, samada tok imam dengan yang bukan imam, yang menghayati agama dengan yang tidak menghayatinya. Andailah benar sebagaimana yang tersirat dan tersurat, maka dapatlah saya gambarkan bahawa kemungkinan orang-orang yang melaungkan slogan-slogan ini mempunyai gambaran di dalam hati sanubari mereka suasana pemerintahan sebuah kerajaan yang diperintah oleh gereja pada masa pertengahan abad yang lampau di mana pemerintahan golongan gereja telah menutup mulut rakyat dan menzalimi mereka tanpa bantasan — peny.

Pada masa-masa itu padri-padri gereja yang berkuasa, mereka memerintah mengikut sekehendak hati. Mereka menghalal dan mengharlamkan sesuatu mengikut apa yang mereka suka. Sesiapa yang mereka suka, mereka masukkan ke dalam syurga. Orang yang mereka benci, mereka campakkan ke dalam neraka. Gereja mempunyai kuasa mutlak. Gereja boleh mengampun kepada setiap yang bersalah, asalkan ianya sanggup tunduk kepada arahan-arahan gereja. Untuk mendapat kemurkaan padri-padri gereja sudah cukup dengan mana-mana pemimpin atau raja yang berusaha meniup semangat kesedaran pada kalangan rakyat jelata untuk menentang pemerintahan gereja. Kemungkinan tanggapan-tanggapan ini semua benar. Jika tidak, masakan pula semua pemimpin-pemimpin negara-negara umat Islam begitu ghairah mencanangkan kepada rakyat jelata suatu simbolslogan yang dikenali dengan nama penerapan nilai-nilai agama. Dalam masa yang sama, pemimpin-pemimpin ini cuba menakut-nakutkan rakyat jelata kerana mereka menyangka bahawanegara Islam tak ubahlah seperti pemerintahan gereja pada pertengahan abad yang lampau, di mana kesudahannya akan berulang-ulang pula tragedi huru-hara, pertumpahan darah, kafir mengkafir dan sebagainya.

Slogan penerapan nilai-nilai agama belum pernah wujud sama sekali di dalam Islam. Sebabnya, Allah Subhanahu Wa-ta'ala telah pun menyamakan sesama manusia mengikut ajaran Islam, samada lelaki mahupun perempuan. Allah SubhanahuWata'ala persamakan sudut hak dan tugas masing-masing, baik pemimpin mahupun yang dipimpin. Kelebihan dan keistimewaan di sisi Allah Subhanahu Wata'ala bukan hanya terletak pada gelaran dan pangkat. Umpamanya, Syeikh Azhar tidak jauh beza dengan penjaga pintunya. Hatta Presiden pun, jika hendak dibandingkan dengan pengawal istananya, pun sama juga. Cuma yang berbeza, iaitu sebagaimana firman Allah SubhanahuWata'ala yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ نُكَرٍ وَأَنْتُمْ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِيلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلَيْمٌ خَيْرٌ (13)

Maksud ayat:

"Wahai manusia semua.' Sesungguhnya Kami Jadikanmu semua terdiri daripada lelaki dan perempuan,kamu pula terdiri daripada berbagai-bagai bangsa dan keturunan. Tujuannya, supaya kamu semua dapat berkenal-kenalan. Sesungguhnya orang yang paling mulia dari kamu semua di sisi Allah, ialah orang yang paling taqwa di kalangan kamu."

(Surah Al-Hujurat: Ayat 13)

Semua orang-orang Islam di Zaman Keagungan Islam dahulu benar-benar mengetahui tentang kandungan makna ayat ini, dan telah pun mengamalinya. Dalilnya, RasuluLlah SatlaL-lahu 'alaihi Wasallam sendiri pernah menasihati anak perempuannya Fatimah dengan sabdanya;

Maksudnya:

"Kamu beramallah. Sekalipun kamu anak kepada seorang Rasul, saya tidak juga boleh melepaskan kamu dari perhitungan Allah."

Meskipun RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam seorang yang paling hampir lagi dikasihi oleh Allah SubhanahuWata'ala, maka dengan kedudukan begitu pun beliau tidak juga boleh membantu anaknya sendiri. Ketegasan ini telah pun dijelaskan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di dalam firmanNya;

فُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِثْكُمْ يُوَحَّى إِلَيَّ إِنَّمَا إِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلَيَعْمَلْ عَمَلاً صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا (110)

Maksudnya:"

*Sebenarnya, saya pun seorang manusia sepertimana kamu juga....."*

(Surah Al-Kahfi: Ayat 110)

Ayat tadi menjelaskan lagi bahawa gelaran seorang Rasul itu tidaklah boleh menjamin perlindungan ke atas sesiapapun yang bersalah. Apalah pula dengan pemimpin-pemimpin negara dan tok mufti-tok muftinya. Sudah tentu dengan pangkat-pangkat ini semuanya tidak bernilai apa-apa pun di sisi AllahSubhanahu Wata'ala. Walaupun seorang Rasul, dia tidak berhak menyelami dan menyelidiki segala perkara yang tersirat di dalam jiwa manusia. Dia hanya berhak menghukum mengikut sudut lahir, seperti apa yang terukir di bibir. Sudah cukup bagi sesiapa pun yang mengucap dua kalimah shahadah untuk menjaminkan jiwaraga dan harta-bendanya. Di atas fungsi ini sudah cukup member! erti dan gambaran kepada kita semua, bahawa RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam menghukum halal atau haram sesuatu itu tidak mengikut sesuka hatinya. Malahan apa yang dihukum itu hanyalah mengikut arahan dan wahyu daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada alam semesta. Rasul tidak berhak mengarah atau menghalang sesiapapun untuk masuk kedalam syurga, biarpun orang ini mematuhi suruhan Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi dari segala laranganNya,

Contoh Tauladan Pemimpin Islam

Contoh tauladan di bawah kepimpinan RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam adalah satu contoh ikutan para-para Khulafa' Al-Rasyidun dan pemimpin selepas daripada Khulafa' yang empat itu. Mereka tidak mendabik dada, merasa bahawa diri mereka suci daripada segala dosa. Dengan jawatan yang mereka jawati itu, tidak pula dengan secara automatik, semua anak cucu, kaum kerabat mereka tidak dikecualikan dari sebarang undang-undang syara', Malahan tidak suatu pun kemewahan yang mereka perolehi jika hendak dibandingkan dengan rakyat jelata semua.

Abu Bakar radiyaLlahu 'ann selepas sahaja beliau dilantik menjadi khalifah, maka dengan terus-terang ia menjelaskan kepada rakyat jelata dengan katanya;

Maksudnya:

*"Saya telah dilantik untuk memimpin kamu semua, dan saya bukanlah orang yang paling mulia jika hendak dibandingkan dengan kamu semua. Maka, andainya saya masih menjalankan tugas dengan betul, berilah kerjasama dan bantulah saya. Andai saya tersalah, maka tolonglah betulkan."*

Saya kira inilah suatu keterangan lengkap lagi padat yang melambangkan identiti seorang pemimpin kepada negara Islam. Jadi, dengan penjelasan Abu Bakar radiyaLlahu 'anhu itu juga membuktikan bahawa negara Islam bukanlah hak milik individu yang tertentu, seperti mana sebuah kerajaan yang telah dimonopoli oleh padri-padri gereja dan pengikut-pengikut padri pada pertengahan abad kurun yang lampau, di mana kedudukan padri-padri gereja lebih istimewa dan jauh berbeza dari rakyat jelata!

Seterusnya pula, apabila sampai sahaja kependengaran suri-suri rumah tangga yang berjiran dengan Abu Bakar radiyaLla-hu 'anhu tentang beliau dilantik menjadi khatifah, lalu mereka mengeluh, "Apalah nasib kita, siapa lagi yang boleh diharapkan untuk membekalkan susu kepada kita semua setelah Abu Bakar menjadi khalifah...!" (kerana sebelum menjadi khalifah Sayyidi"na Abu Bakar selalu member! mereka susu). Jawab Abu Bakar radiyaLlahu 'anhu, "Di masa saya menjadi khalifah ini, identiti saya tak ubahlah bagaimana sebelum saya menjawati jawatan ini. Saya akan teruskan usaha untuk membekalkan susu kepada kamu semua."

Inikah dia contoh, yang dikatakan sebagai seorang pemimpin yang menciptakan berbagai-bagai akta undang-undang keselamatan dalam negeri, mengubah dan meminda perlembagaan undang-undang mengikut sekehendak hati! ? Apakah ini sebuah kerajaan yang pemimpin-pemimpinnya mencanang dan melaungkan slogan penerapan nilai-nilai Islam, yang mereka canai dan ubah-suaikan hingga terpisah 'aqidah dari syari'at Allah SubhanahuWata'ala!"?

Contoh kepimpinan Islam diperlihatkan pula oleh 'UmarBin Al-Khattab radiyaLlahu 'anhu, iaitu khalifah yang kedua selepas daripada Abu Bakar radiyaLlahu 'anhu. Setelah jawatan khalifah dipegang oleh 'Umar, lalu beliau menjelaskan sikapnya sebagai seorang pemimpin kepada rakyat jelatanya. Dia dengan rasa rendah diri meminta semua rakyat jelata yang berada di bawah pimpinannya supaya membuat teguran dan nasihat, jika mereka dapati dia bersalah. Salah seorang rakyat jelata yang berada di hadapan 'Umar pada masa itu juga bingkas bangun dengan pedang yang terhunus di tangannya, seraya berkata, "Sekiranya kami dapati kamu menyeleweng, nescaya kami akan tegak dengan pedang kami ini." Walaupun nasihat itu terlalu keras dan di luar kesopanan, namun 'Umar sebagai seorang pemimpin umat Islam menerima nasihat tadi dengan dada yang terbuka, Dia tidak berasa marah, tidak pula berdendam hati dan

menangkap orang yang memberi nasihat itu. Malahan dia dengan berlapang dada menjawab,

Maksudnya:

*Segala puji hanyaiah bagi Allah yang menjadikan dikalangan umat Muhammad ini rakyat yang sanggup membetuli kesalahan 'Umar dengan pedangnya."*

Apakah ini contoh yang dinamakan sebuah negara penerapan nilai-nilai agama, sebagaimana yang kamu semua canang-canangkan, yang kamu semua pula takut dengan kedudukan dan kerusi masing-masing? Atau pun, mengikut fakta-fakta sejarah yang kamu terbaca bahawa negara Islam pada masa pemerintahan Khulafa' Ar-Rasyidin sama seperti sebuah negara yang diperintah oleh golongan gereja pada pertengahan abad yang lampau juga, Oleh itu, mengikut khayalan dan impian kamu bahawa sebuah negara yang menjalankan syari'at Allah samalah juga dengan sebuah negara yang cuba membuat beberapa penerapan nilai-nilai agama di dalam sektor pemerintahan!? Sesungguhnya, kamu tidak sewajarnya mengeksploitaskan sejarah Islam untuk disamakan dengan sebuah negara pemerintahan Gereja!! Saya tidak ingin lihat pemimpin yang cuba dengan sengaja mengaburi dan merabuni mata-mata rakyat dengan mengatakan, bahawa negara yang menjalankan syari'at Allah itu, saling tak tumpah dengan sebuah negara yang berslogarkan "Penerapan nilai-nilai agama"!

Selepas Abu Bakar dan 'Umar, Sayyidina 'Uthman bin 'Affan pula tampil ke hadapan menjadi khalifah. Di saat-saat akhir pemerintahannya berlaku ketegangan politik, di mana orang-orang yang baru memeluk Islam datang dari jauh mengepung rumah 'Uthman Bin 'Affan. Beberapa orang sahabat datang menawarkan diri masing-masing untuk menjadi pengawal dan menggempur golongan-golongan pemberontak yang mengepung rumah khalifah. Sayangnya Sayyidina \*Uthman menolak permintaan beberapa orang sahabat tadi dan beliau berserah kepada rakyat mengikut kemahuan mereka.

Inilah dia seorang lagi contoh pemimpin Islam. Di saat-saat jiwanya terancam, dia tidak pula memerintah sahabat-sahabatnya memerangi golongan yang menentangnya, malahan dia rela jiwanya terkorban demi untuk memelihara perpaduan ummah. Dia tidak rela kerana dirinya rakyat bermandikan darah sesama mereka. Inikah dia, buat masa ini yang dinamakan negara penerapan dengan nilai-nilai Islam sedangkan pemimpin-pemimpin ini sendiri takut untuk menjalankan pemerintahan negara mengikut Al-Qur'an dan Al-Sunnah,....!?

Pernahkah kamu dapati seorang pemimpin di dunia buat masa ini, sikapnya dengan rakyat, sebagaimana Sayyidina 'Uthman bersikap dengan rakyatnya....? Kenapakah pemimpin-pemimpin negara umat Islam di hari ini terlalu fanatik dan gila kuasa, hinggakan mereka sanggup berdolak-dalih. Bersikap pragmatik dalam politik dengan tujuan untuk berselindung disebalik slogan dan penempelan sudut kerohanian dari melaksanakan syari'at Allah. Inilah dia slogan-slogan yang belum pernah dikenali dan tercatat di dalam sejarah Islam!

Dengan syahidnya Sayyidina 'Uthman, Sayyidina 'Ali tampil ke hadapan memegang teraju pemerintahan. Selang tidak beberapa lama, beliau pula ditikam oleh salah seorang daripada golongan yang fanatik. Kaum kerabat Sayyidina 'Ali telah bermuafakat untuk mengambil tindakan balas. Tetapi, Sayyidina 'Ali menyanggah di atas pakatan sanak saudaranya itu. Dia berpesan kepada mereka jika sekiranya ia sembah

maka hukumlah orang yang menikamnya itu dan jika sekiranya dia meninggal dunia, laksanakanlah syari'at Allah ke atas orang yang membunuhnya dan janganlah memendam perasaan dendam mendendam.

Lihatlah sebuah kerajaan Islam yang memerintah rakyat jelata mengikut syari'at Allah! Apakah pemimpin yang semulia Sayyidina 'Ali (radiyaLlahu 'anhу), pun kamu menolaknya sehingga tidak mahu membuat contoh tauladan? Apahal pula dengan adanya pemimpin-pemimpin umat Islam, yang mana mereka sendiri membuat drama, kononnya terdapat segolongan umat Islam yang exstrim, yang cuba untuk membunuh mereka! Propaganda ini diada-adakan semata-mata untuk membolehkan mereka menjadikan alasan bagi menghalalkan tindakan mereka menangkap para 'alim 'ulama' dan belia-belia Islam secara beramai-ramai, untuk disumbat ke dalam penjara dan diseksa dengan kejam, melampaui batas-batas peri kemanusiaan!! Dalam pada itu pun pemimpin-pemimpin sekarang (yang mewarisi kezaliman) masih mengadakan pesta temasya sebagai mengenangkan jasa pada hari jadi atau kematian pemimpin serupa itu! Inikah yang dikatakan suatu penghargaan dari intelektual di zaman sekarang?

Saya tidak mengerti. Adakah dengan slogan penerapan nilai-nilai Agama ini merupakan suatu polisi dari pihak pemerintah, hingga terpaksa mereka membisukan dahulu ciri-ciri dandasan sistem negara Islam? Apakah pula yang dimaksudkan dengan penerapan itu? Apa bahaya yang mengancam sampai terpaksa mereka berselindung di sebalik slogan ini? Sepanjang sejarah Islam belum pernah dikenali tentang penerapan nilai-nilai agama. Justeru itu, kenapakah bila sahaja bangun segolonganumat Islam menyeru pihak pemerintah supaya menjalankan hukum-hakam Allah Subhanahu Wata'ala, lantas pihak yang berkuasa berusaha melebelkan dengan isu penerapan nilai-nilai Islam? Pemimpin-pemimpin sekarang ini terdiri dari cerdik pandai dan orang yang berilmu, oleh itu sepatutnya mereka menjelaskan kepada rakyat jelata apa yang mereka maksudkan dengan negara penerapan itu? Adakah sesebuah negara yang menjalankan undang-undang Syari'ah boleh disamakan atau dinamakannya sebuah kerajaan Islamisasi? Pihak pemerintah hendaklah berterus-terang. Semuga dengan keterangan yang jelas kita semua berpuas hati, atau cuba berpuas-hati dan sama-sama mencari jalan bagi mengatasi setiap protes dan titik-bengek yang ditimbulkan oleh setiap golongan umat Islam.

## SISTEM SYURA

---

Kami senantiasa membaca dan mengkaji semua Hadith-hadith yang sahih, yang mana RasuluLlah pernah bersabda:

Maksudnya:

*"Apabila kamu lihat umat aku im sudah rasa gentar untuk menasihati orang yang zalim, maka jelaslah bahawa mereka suatu umat yang di akhir zaman."*

Inilah suatu dalil yang jelas, yang mewajibkan pihak penmerintah menjalankan pemerintahan dengan adil dan mengikut SYURA, Sebarang corak kezaliman dan sikap berpura-pura mesti dijauhi sama sekali. Rakyat jelata wajib berusaha dan menuntut

kerajaan supaya menjalankan keadilan dan supaya tidak menzalimi rakyat jelata. Sebuah kerajaan yang pemimpin dan rakyat jelatanya berganding bahu, berusaha untuk menwujudkan keadilan, bukankah lebih baik dari pemimpin yang berkuku besi, yang menganiaya dan bersikap kejam terhadap rakyat, seperti mana yang telah kami alami semenjak berpuluhan-puluhan tahun yang lampau?! Kenapakah pihak pemerintah tidak mau menjalankan syari'at Islam, dari mereka mengabui mata-mata rakyat dengan slogan penempelan dan penerapan nilai-nilai Islam? Rasul 'alaihissalam sendiri menggalakkan para pemimpin supaya memberi kebebasan kepada setiap rakyat, hingga bebas mereka melahirkan pandangan dan pendapat masing-masing. Apa yang berlaku, jangankan kebebasan yang kamu hulurkan, malah jika terdapat orang yang cuba menasihati kamu supaya menjalankan yang ma'ruf dan meninggalkan yang mungkar, maka terus sahaja kamu menyelarinya dengan kata-kata: "Melakukan kebaikan dan melarang barang yang mungkar bukan boleh menambah ekonomi dan membawa mati!!!" Inikah dia pemimpin yang mengikut kepimpinan Rasul 'alaihissalam, yang berslogarkan dengan penerapan nilai-nilai kerohanian, tetapi bertindak zalim, ngeri dan menakut-nakutkan rakyat? Kasihanilah diri kamu sendiri. Berilah ulasan dan alasan terhadap apa yang kamu telah slogankan itu! Andainya parti politik dan Dewan Parlimen itu sebagai faktor dan tempat yang bebas untuk melahirkan fikiran dan pandangan maka Islam tidaklah menghalang, malah Islam menyuruh kamu mengadakan syura. Tentang bentuk dan teknik syura itu terpulanglah kepada kita semua bagi mengubahsuai mengikut suasana masa yang sememangnya berubah dari masa ke semasa, dari generasi yang bersilih-ganti.

Jikalau sistem syura ini benar-benar berjalan, sudah tentu 'ulama'-ulama' Islam yang saleh akan tampil ke hadapan untuk membetuli dan menasihati para pemimpin kerana jawatan dan pangkat bukanlah boleh menghalang mereka dari menyatakan kebenaran. Dengan yakin kami mengatakan bahawa pangkat dan harta bukanlah boleh dibawa sampai ke akhirat. Jadi sudah tentu 'alim 'ulama' pun memberi kata nasihat semata-mata kerana Allah SubhanahuWata'ala. Jika pihak pemerintah benar-benar melakukan keadilan, tidak menganiaya dan menzalimi, maka tidak ada alasan lagi terhadap sesiapa pun untuk memusuhi dan membenci pihak-pihak pemerintah. sekali pun sebuah kerajaan yang berlebelkan "PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM".

Berkemungkinan besar sebab yang mendorongkan setengah para pemimpin berusaha mencipta serta melebelkan pemerintahan negara dengan penerapan nilai-nilai Islam kerana semata-mata takut kepada kebangkitan Islam, iaitu semenjak Jama'ah Ikhwan mempelupuri Harakah Islamiyyah yang di bawah pimpinan Al-Syahid Hassan Al-Banna. Harakah Ikhwan telah cuba memainkan peranan untuk benar-benar menjadikan ummah Islamiyyah ini sebaik-baik umat di atas muka bumi ini. Semenjak itulah, maka kedengaran laungan dan tulisan terpampang di ruangan muka depan akhbar-akhbar dan media massa dengan tajuk penerapan nilai-nilai agama, yang berpandukan kepada sebuah kerajaan yang pernah dipimpin oleh padri-padri di pertengahan abad yang lampau. Sesungguhnya "Negara penerapan" adalah merupakan suatu slogan baru, atau nama baru yang belum pernah tersebut di dalam mana-mana buku yang dikarang oleh ahli-ahli fuqaha' Islam, sekali pun mereka inilah yang mengambil berat di dalam soal-soal yang berhubung dengan pemerintahan Islam, Dalam pada itu pun tidak pula pernah terda pat di antara mereka yang menyebut tentang penerapan atau penempelan nilai-nilai Islam. Cuma yang ada mereka menyebut ialah negara Islam yang menjalankan Syari'at Allah Subhanahu Wata'aia, Di atas tuntutan inilah, maka bangunnya Jama'ah Ikhwan

untuk berda'wah, menyeru kepada keadilan dan persamaan, baik yang memerintah maupun yang diperintah. Semua makhluk adalah sama, cuma yang paling tinggi darjatnya di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa, Setiap orang Muslim agamanya ialah agama Islam, negara mereka negara Islam, maka inilah faktor penting sekali pun masih terdapat di kalangan mereka yang melakukan kesalahan.

Di dalam pemerintahan Islam belum pernah lagi dikenali dengan "Penerapan". Sekali pun begitu, kita dapat menerima buat sementara waktu slogan ini, dengan syarat pihak pemerintah mestilah melaksanakan hukum-hukum syari'ah sedangkan tuntutan ini masih tidak mereka laksanakan. Apakah besarnya bahaya-bahaya yang akan melanda negara dan ummah Islamiyyah jika sekiranya syari'at Islamiyyah dijalankan!?

## PINTU IJTIHAD

---

Sebenarnya Islam telah menerangkan segala tanggungjawab, samada pemimpin maupun rakyat. Masing-masing mempunyai tugas. Oleh itu tidak ada sebarang alasan bagi pihak negarawan dan sebahagian besar pemimpin yang hanya mendakwa, bahawa negara yang mereka perintah adalah bercorak negara Islam. Tetapi, jika ditinjau dari sudut perlaksanaannya kita tidak nampak yang Islam dilaksanakan secara yang menyeluruh hingga layak dinamakan sebuah negara Islam! Sungguh pun begitu, saya tidaklah hendak menuduh golongan-golongan ini semua telah rosak 'aqidah dan kelslamatan mereka. Bagi saya jangankan hendak menuduh golongan ini dengan tuduhan kafir, malahan saya tidak ingin melihat sesiapa pun membuat tuduhan demikian! Sebab isu kafir mengkafir adalah amat berat dosanya di sisi Allah Subhanahu Wata'aia. Lainlah jika sekiranya golongan yang dimaksudkan ini, mereka sendiri yang mengingkari rukun-rukun Islam, maka sudah tentulah rosak 'aqidah orang yang bersikap demikian. Di sini sukalah saya jelaskan bahawa pintu ijtihad tidaklah tertutup, malahan terbuka sepanjang masa bagi orang yang lengkap dirinya dengan ilmu-ilmu, hingga layak dia menjadi seorang mujtahid. Syarat ilmu-ilmu yang perlu diketahui, seperti yang disebut di dalam kitab-kitab Usul iaitu:

1. Ilmu Dilalat.<sup>1</sup>
2. Mengetahui setiap makna yang zahir dan yang tidak zahir.<sup>2</sup>
3. Ilmu Musytarak.<sup>3</sup>
4. Al-'Am dan Al-Khas.<sup>4</sup>
5. Al-Mutlak dan Al-Muqaiyyad.<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup> Dalil-dalil daripada Qur'an/Hadith dan ijma' 'ulama'.

<sup>2</sup> Makna zahir umpamanya, al-Saiyyarah ( ) iaitu kenderaan. Di dalam ayat ( ) maksudnya satu rombongan.

<sup>3</sup> Seperti Al-'Ain ( ). Boleh mendatangkan makna mata, minuman keras. Gundek, mata air dan lembu jantan.

<sup>4</sup> Dalil 'am umpamanya, maksud daripada Hadith Rasul. "Sesiapa yang mengucap dua kalimah syahadah akan masuk syurga. Dalil khas umpamanya, maksud dari sabda Rasul bahawa dia akan memerangi manusia. Khusus terhadap kafir Qurais Makkah.

6. Al-Manthuq dan Al-Mafhum.<sup>6</sup>
7. Dalil suruhan dan Dalil Larangan.<sup>7</sup>
8. Al-Nasikh dan Al-Mansukh.<sup>8</sup>
9. Hukum di ketika berlawanan dalil.<sup>9</sup>
10. Adat resam orang-orang 'Arab dan hubungan syari'at dengan masyarakat orang-orang 'Arab.
11. Sebab-sebab turunnya Ayat-ayat Al-Qur'an.
12. Sebab-sebab turunnya Hadith.
13. Al Matnu dan Al-Sanadu.<sup>10</sup>
14. Mengetahui dengan lengkap Nahu-nahu 'Arab.
15. Mengetahui bahasa-bahasa daerah suku-suku kaum 'Arab.

Adakah golongan yang cuba berijtihad di dalam perkara yang berhubung dengan hukum-hakam Islam. Mereka ini semua telah lengkap di dalam diri masing-masing dengan ilmu-ilmu yang disebutkan tadi!?<sup>5</sup> Besar kemungkinan mereka yang tersebut ini belum cukup syarat untuk menjadi seorang mujtahid, tetapi sudah hendak berijtihad, maka dengan sebab itulah mereka menghalal dan mengharamkan sesuatu mengikut sekehendak hati mereka sendiri, bukan berpandukan kepada dalil keterangan yang datang dari Allah Subhanahu Wata'ala! Wahai tuan-tuan semua! Bukanlah semua insan dan haiwan yang hidup di muka bumi ini semuanya layak mengaku diri masing-masing sudah menjadi seorang mujtahid. Untuk menjadi seorang mujtahid Rasul 'alaihissalam telah pun membuat garisan-garisan yang tertentu. Contohnya seperti sabda Rasul 'alaihissalam:

Maksudnya:

*"Setiap generasi hendaklah ada segolongan yang adil mempelajari ilmu pengetahuan agama dengan lengkap, supaya dapat menghalang dari golongan pelampau, ahli-ahli batil yang cuba memperalatkan Islam dan dari rekaan-rekaan orang-orang yang jahil."*

Di sudut kontek pengertian hadith ini membuktikan bahawa kamu bukanlah terdiri daripada golongan-golongan yang adil. Ini bukanlah suatu tuduhan yang hanya bertujuan untuk memperkecil-kecilkan kamu semua, malahan apabila dilihat pada hasil-hasil tulisan kamu membuktikan bahawa apa yang kamu ketahui tentang Islam itu ibarat kamu ketahui kulit-kulitnya sahaja. Tetapi ilmu pengetahuannya yang lengkap sebenarnya kamu tidak mengetahui, walaupun kamu mengaku kamu telah membuat kajian yang mendalam tentang Islam! Contoh yang paling ringkas pula, iaitu kenapakah

<sup>5</sup> Contoh Mutlak, umpamanya Allah perintahkan supaya membebaskan hamba. Contoh muqaiyyat, di ayat yang lain Allah perintah hamba yang beriman. Jadi hukum membayar kifarat hendaklah memerdekaan hamba yang beriman.

<sup>6</sup> Contoh mantuq, jangan kamu menghampiri zina. Mafhumnya. Hukum berzina adalah haram.

<sup>7</sup> Dalil sumhan, iaitu setiap yang disuruh melakukannya samada wajib, sunat dan harus. Larangan iaitu yang haram, makruh.

<sup>8</sup> Nasikh-Hukum yang sudah tidak dipakai. Mansukh hukum yang turun sebagai gantinya.

<sup>9</sup> Contohnya: Edah perempuan yang mengandung hingga bersalin. Edah kematian suami 4 bulan 10 hari. Dua dalil yang berlawanan. Jadi, jika perempuan mengandung kematian suami, maka edahnya 4 bulan 10 hari dan disambung lagi hingga lepas bersalin.

<sup>10</sup> Matnu, iaitu Hadith Sanad, iaitu ilmu yang berhubung dengan ahli-ahli Hadith.

pihak pemerintah yang menggunakan slogan ini masih tidak membenarkan "Majallah Al-Da'wah", untuk dikeluarkan semula demi bagi menyatakan yang hak? Sekadar Majallah Ad-Da'wah pun masih tidak dibenarkan keluar, bagaimanakah dengan usaha untuk menegakkan kalimah Allah Yang berfirman:

جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مِّنْ قَلْبِنَا فِي جَوْفِهِ وَمَا جَعَلَ أَرْوَاحَكُمُ الَّتِي نُظَاهِرُونَ مِنْهُنَّ أَمْهَاتُكُمْ وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَاءَكُمْ أَبْنَاءَكُمْ  
ذَلِكُمْ قَوْلُكُمْ يَأْفُوا هُمْ وَاللَّهُ يَعْلُمُ الْحَقَّ وَهُوَ يَهْدِي السَّبِيلَ (4)

Maksudnya:

*Dan Allah yang menyatakan kebenaran. Dan Dialah Yang menunjuk jalan.*

(Surah Al-Ahzab:Ayat 4)

...itu pun kamu tidak memberi kebebasan. Oleh itu benarkah negara yang di bawah pimpinan kamu ini dikatakan sebuah negara Islam?

## **NEGARA ISLAM**

---

Yang dikatakan sebuah negara Islam itu, ialah sebuah negara yang melaksanakan syari'at Allah dengan lengkap. Sesiapa pun yang memerintah tidaklah boleh mengharam dan menghalalkan sesuatu mengikut sekehendak hati. Sebab hukum-hukum ini adalah hak Allah Subhanahu Wata'ala. Pihak pemerintah tidak berkuasa untuk memasukkan sesiapa pun ke dalam Syurga, atau menghumbannya ke dalam Neraka! Malahan tanggungjawab seseorang pemimpin itu amat berat bila berhadapan dengan Allah kelak, lebih berat dari rakyat jelata. Oleh itu apa untungnya jika pihak pemerintah menganiayai atau menzalimi rakyat jelata? Lainlah jika seorang pemimpin yang menjalankan tugas dengan betul, melakukan keadilan, maka sudah tentu pemimpin yang sebegini rupa akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda di hari Akhirat kelak. Apakah masih terdapat lagi orang yang menyangkal dengan kebenaran ini?

Sebuah negara Islam tidak sepatutnya atau berhak mencolek, mengurung atau menyeksa sesiapa sahaja tanpa usul periksa, merampas harta rakyat jelata dengan tidak mengikut hak-hak yang dibolehkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Hak sebuah negara Islam memerintah mengikut landasan-landasan yang digariskan Allah Subhanahu Wata'ala, di samping dengan penuh bijaksana dan licin di dalam pentadbiran, bersesuaian mengikut suasana masa dan tempat. Contohnya, di waktu permulaan Islam, Rasul 'alaihissalam di waktu sembahyang beliau berkiblatkan pada Ka'bah, walau pun Ka'bah pada masa itu dikelilingi dengan tiga ratus buah berhala. Dengan sebab situasi pada masa itu menuntut Rasul 'alaihissalam supaya berbuat demikian. Di masa pemerintahan Saidina Abu Bakar radiyaLLahu 'anhу, beliau terpaksa memerangi golongan yang tidak mahu mengeluarkan zakat kerana takut nanti kalau-kalau unsur perundangan zakat menjadi semakin pudar dari fahaman orang-orang Islam. Yang mana jikalau sekiranya semua orang-orang Islam tidak mahu lagi melaksanakan hukum zakat, maka risikonya masyarakat Islam semua akan menanggung akibat yang buruk. Di zaman pemerintahan 'Umar Al-Khattab pula, beliau pernah tidak menjalankan hukum potong tangan ke atas orang-orang yang mencuri kerana terdesak, disebabkan pendapatannya

tidak cukup. Beliau juga pernah mengambil orang-orang Zimmi<sup>11</sup>, untuk bekerja dengan sektor-sektor kerajaan, khususnya di bidang pencetakan umpamanya, ramai kakitangan pekerjanya diambil daripada Rome. Sebab urusan-urusan seperti ini, orang-orang Islam belum lagi mempunyai banyak pengalaman di masa itu. Bukanakah usaha-usaha seperti ini telah berjaya dilaksanakan di masa pemerintahan Islam dahulu? Sesebuah negara Islam mestilah berusaha membasmi segala corak dan bentuk maksiat serta mungkar. Rasul 'alaihissalam bersabda:

Maksudnya:

*Demi nama Allah Yang nyawaku ini di dalam kekuasaannya. Mestilah kamu semua menyeru ke arah kebaikan dan melarang dari sebarang kemungkaran. Dan kamu akan diperintah oleh orang-orang yang jahil. Dan kamu akan lupakan kebenaran sedikit demi sedikit, hingga jadilah kamu bermusuhan-musuhan sesama sendiri, Kemudian Allah akan melaknati kamu seperti mana Allah laktati mereka juga (orang yang melakukan mungkar).*

Maksudnya:

*Mana-mana kaum pun yang terdapat di kalangan mereka orang yang melakukan maksiat, golongan yang melakukan maksiat ini pula terdiri dari orang-orang yang berkedudukan, dan bilangan mereka pula lebih ramai, tidak pula sesiapa pun yang cuba memperbaiki golongan ini, maka nescaya Allah akan timpakan azabNya ke atas semuanya sekali.*

Siapakah yang mempunyai kedudukan tinggi yang begitu ramai jika ditinjau keadaan pemerintahan yang ada sekarang? Sanggupkah kamu menasihati dan menegur kerajaan yang ada sekarang? Relakah kamu membiarkan kerajaan memelihara kaki-kaki rasuah dan zalim, menghalalkan kelab-kelab perjudian, rumah-rumah urut dan kelab-kelab malam!!? Jika kamu bersetuju dengan apa yang berlaku, maka bererti kamu juga terdiri dari golongan yang fasik. Jika kamu tidak bersetuju, maka apakah tindakan yang dapat kamu lakukan!? Demi Allah. Saya sangat bimbang di atas kefahaman penerapan seperti ini, kerana takut-takut kita semua ditimpa bala dengan amaran Rasul 'alaihissalam seperti keterangan suatu Hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Umar radiyaLlahu 'anh. Sabda Rasul 'alaihissalam:

Maksudnya:

*Demi nama Allah Yang nyawaku ini di da/am kekuasaanNya. Tidak hampirnya hari Qiamat hinggalah (dengan keizinan Allah), munculnya pemimpin-pemimpin yang pembohong, menteri-menteri yang rasuah, timbalan-timbalan menteri yang khianat, ketua-ketua jabatan yang zalim, 'alim 'ulama' yang fasiq. Latarbelakang mereka ini bagaikan Padri-padri, Jiwa raga mereka lebih busuk dari bangkai. Kemahuan hawa nafsu mereka, masing-masing berlainan. Di ketika itu, maka Allah akan menurunkan bala ke atas semua mereka hingga semuanya menjadi kebingungan. Demi nama Allah Yang Nyawaku ini di dalam kekuasaanNya. Islam akan terjeas sedikit demi sedikit. Hatta tidak ada lagi orang yang hendak menyebut nama Allah. Sekalipun begitu, kamu hendaklah menyeru kepada kebaikan dan melarang dari sebarang kemungkaran. Jika tidak, Allah akan timpakan azabNya ke atas kamu semua dengan sebab dosa kamu, iaitu hinggakan orang yang terpilih di kalangan kamu untuk berdo'a, Allah sudah tidak terima lagi do'a mereka. Sekali pun begitu, kamu hendaklah menyeru kepada kebaikan dan melarang dari sebarang*

---

<sup>11</sup> Orang-orang Kristian dan Yahudi. yang tinggal di dalam negara Islam.

*kemungkaran. Jika tidak, nescaya Allah akan balakan kamu, yang mana rakyat yang susah tidak dikasihani dan pemimpin tidak lagi dihormati.*

Benar. Oleh itu saya berdo'a dengan penuh khusyuk supaya Allah tidak menurunkan balaNya ke atas ummah kita ini sebagaimana yang tersebut di dalam Hadith ini, disebabkan bercanggah dan berlawanan sama sekali mengikut apa yang kamu tulis dan yang kamu slogankan, berbandingkan dengan sebuah negara Islam yang memperhakimkan undang-undang Allah! Negara Islam, ialah sebuah negara yang tahu tanggungjawab dan peranannya. Pihak pemimpinnya akan berusaha dengan bersungguh-sungguh dan berterusan demi untuk menegakkan Syari'at Islam. Hingga berlimpah ruah dengan kemakmurannya, penuh dengan nilai-nilai kerohanian dan akhlaq mulia, seterusnya dapat pula memimpin dunia keseluruhan hari ini ke arah perpaduan dan keselamatan. Bukanlah hanya asyik berkiblatkan ke arah timur dan barat, seolah-olahnya Islam belum pernah tercatat di dalam sejarah tentang keagungannya!! Apalah nasib umat Islam, yang ditipu oleh segolongan yang kononnya terdiri dari golongan cerdik pandai, yang aktif bergiat menimba ketamadunan barat, untuk diimport ke dalam masyarakat Islam. Golongan ini sebenarnya tidak sedar bahawa ilmu-ilmu ketamadunan barat, seperti saikologi, falsafah, ilmu-ilmu perubatan dan lain-lain lagi adalah asalnya hak kepunyaan orang-orang Islam, yang dirampas dan diterjemahkan ke dalam bahasa mereka. Inilah akibat buruk yang kita terima, akibat dari kelemahan kita sendiri!

Belum pernah tercatat di dalam sejarah orang-orang kafir tentang bagaimana polisi pentadbiran dan hubungan negara Islam dengan mana-mana negara yang bermusuhan dengannya atau yang diserangnya. Sesungguhnya negara Islam tidak akan berperang, kecuali hanyalah untuk menyampaikan da'wah Islamiyyah kepada manusia semua. Atau negara Islam terpaksa berperang kerana mempertahankan hak kemanusiaannya apabila dicerobohi.

Sungguh pun begitu, negara Islam tidak pernah mencerobohi hak kehormatan mana-mana manusia. Islam tidak membenarkan tindakan mengempur atau membunuh musuh-musuh yang telah menyerah diri, atau menyeka musuh-musuh yang telah ditawan. Siapa lagi yang masih tidak rela dan berpuas hati di atas kebangkitan negara Islam seperti ini, kecuali orang yang tidak siuman dan kusut jiwanya.

Apakah yang memerlukannya kamu jika tertegaknya sebuah negara Islam, yang perlembagaannya adalah Al-Qur'an dan Al-Sunnah; yang tidak mengikut hawa nafsu, semata-mata mencari kenikmatan dunia. Perundangan Al-Qur'an dan Al-Sunnah adalah datangnya daripada Allah dan Rasul 'alaihissalam. Sesungguhnya membelakangi perundangan Al-Qur'an dan Hadith adalah suatu kezaliman yang amat besar! Kezaliman berlaku disebabkan oleh jiwa yang angkuh dan takbur. Apabila manusia sendiri yang mencipta dan membuat perlembagaan, maka sudah tentu dia akan mengutamakan kemuslihatan dirinya sendiri, atau kemuslihatan golongan yang bersama-sama dengannya. Ada pun Syari'at Allah adalah semata-mata untuk kemuslihatan manusia 'amnya, baik yang beragama Islam, maupun yang bukan Islam. Untuk tujuan mengamankan alam ini, sekalipun masih ada terdapat mereka yang tidak beriman dengan Islam. Sesungguhnya perundangan hasil dari ciptaan manusia tidak dapat lari daripada kelemahan, kekurangan, penipuan, fanatik dan kezaliman. Manakah suatu

undang-undang yang boleh memberi jaminan kepada sesiapa pun, selain daripada undang-undang syari'at?

Kerajaan Mesir semenjak dahulu lagi telah merangkakan berbagai-bagai perlembagaan, sekalipun perlembagaan yang dirangkakan itu ditentang oleh majoriti golongan rakyatnya. Dalam pada itu pun, pihak pemerintah tidak habis-habis menukar dan meminda perlembagaan. Boleh dikatakan setiap orang pemerintah, masing-masing menggubal perlembagaan yang lama dan digantikan dengan yang baru dengan tujuan untuk mengukuhkan kedudukannya. Walaupun mereka mengatakan pemerintahan mengikut demokrasi di mana rakyat hidup dengan bebas dan aman, tetapi mereka memerintah dengan kuasa diktator! Dengan perlembagaan yang ada sekarang kita tidak yakin boleh menjamin keadilan disebabkan dua faktor:

1. Majoriti masyarakat jahil tentang Islam. Apakah masyarakat seperti ini boleh membuat perlembagaan dengan adil?
2. Perlembagaan terletak kepada parlimen. sedangkan anggota-anggota parlimen terdiri dari parti pemerintah 51% umpamanya, manakala parti lawan atau pembangkang 49% umpamanya, maka siapakah pula boleh menjamin ke atas dua golongan ini dari bersikap otokrasi?

Sesungguhnya apa yang berlaku perdebatan demi perdebatan, mulai dari Dewan Negeri hingga kepada Dewan Parlimen, bersama-sama sewarganegara, masing-masing dengan hujjah dan resolusi. Kesudahannya kasta dan polarisasi kaum anggota parlimen pun tidak dapat mereka atasi! Semua gejala ini telah pun kita alami semenjak dahulu hingga sekarang ini"!

## **UNDANG-UNDANG SYARA'**

---

Di atas fakta inilah, maka jelas bagi kita bahawa kita wajib mengambil Al-Qur'an dan Al-Sunnah Nabi sebagai perlembagaan. Al Qur'an yang datang daripada Allah yang bersifat dengan segala sifat keagongan, yang tidak menzalimi, yang lebih mengetahui yang mana mudharat dan yang munafa'at. Al-Qur'an yang diutuskan melalui Jibril kepada Rasul 'alaihissalam yang bersifat ma'sum, yang membebaskan pengabdian dari sesama hamba untuk mengabdikan diri hanya kepada Allah Yang Maha Esa sahaja. Dialah Rasul yang menyamakan taraf sesama manusia, menggalakkan manusia supaya bekerja bersungguh-sungguh di samping bertawakkal kepada Allah, bukanlah hanya asyik berpeluk tubuh! Dialah Rasul yang berusaha membersihkan jiwa raga manusia dari sifat khianat dan dididik dengan sifat amanah, mengangkat taraf insan yang pada mulanya jumud (statis) menjadi satu ummah yang dinamik lagi berwibawa. Apakah usaha yang dibuat ini bukan untuk kebaikan manusia, hinggakan masih terdapat amalan pilih kasih dan perbedaan kaum!? Apakah manusia masih tidak mahu menjadikan syari'at Islam sebagai undang-undang antarabangsa, supaya manusia tidak lagi mengikut hawa nafsu yang berbagai-bagai cara, mencetuskan perebutan dan sengketa peperangan yang tidak ada batas kesudahannya!!?

Apalah cacatnya sebuah negara yang berjalan tunduk kepada undang-undang syari'at Islam? Syari'at Islamkah yang lebih baik atau undang-undang yang dicipta

manusia, yang ianya selalu ditukar dan dipinda dari satu persidangan kepada satunya persidangan? Masih relakah kita tunduk kepada undang-undang yang dicipta oleh manusia yang sama seperti kita, hingga kita sompong dan bongkak tidak mahu lagi tunduk kepada Allah yang mencipta kita dan yang memberi rezeki dengan melimpahruah terhadap kita semua? Semua perkara dan urusan adalah di bawah kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala. Wahai ahli-ahli fikir, kenapa kamu masih tidak mahu berfikir? Wahai pihak yang menyeru ke arah kemajuan dan kemakmuran, hingga sekarang belum tercapaikah apa-apa yang diidam-idamkan!?

Disebabkan material manusia berperang sesama sendiri. Allah yang empunya harta telah menggariskan bagi negara Islam bagaimana cara yang betui untuk mentadbir urusan ekonomi. Meskipun ekonomi di tangan pemerintah atau dimiliki oleh setengah golongan bangsawan dan hartawan. Namun demikian harta tetap kepunyaan Allah. Oleh itu, harta adalah keperluan semua rakyat jelata. Pihak berkuasa hanya ditugaskan untuk membahagi-bagikan harta ini kepada yang meminta dan kepada yang berhak menerima, sekali pun dia tidak meminta, dengan adil saksama. Dengan ini, tidak ada ruangan lagi untuk berhujjah bagi golongan kapitalis, sosialis dan kominis, atau sebarang sistem ekonomi yang kamu namai! Harta-harta Allah ini apakah disalah guna oleh pihak-pihak yang berkuasa, hingga tidak sampai kepada rakyat jelata yang berhak menerimanya. Malahan yang senang adalah golongan yang tertentu sahaja...! Harta kekayaan adalah hak milik Allah Subhanahu Wata'ala. Pemimpin negara Islam wajib menjalankan pentadbiran sistem ekonomi mengikut arahan oleh Tuhan yang menjadi permit mutlaknya. Jika arahan ini benar-benar dipatuhi, nescaya rakyat semua dapat mengcapai nikmat keadilan.

Setiap individu bebas berijtihad dan berusaha mengikut garis-garis syara'. Sesiapa sahaja boleh menimba harta kekayaan, asalkan mengikut lunas-lunas yang dihalalkan oleh Islam. Islam membolehkan sesiapa sahaja membelanja harta kesenangannya, asalkan jangan sampai ke tahap pembaziran dan lupa kewajipan mereka terhadap Allah, sepertimana yang dilakukan oleh orang-orang yang jahil. Andainya setiap insan memahami dan mengamali panduan ajaran Islam ini, maka sudah pasti tidak ada lagi orang yang merempat dan kebuluran di dalam pemerintahan Islam. Selagi masih ada rakyat yang belum mendapat rezeki sesuap pagi dan petang, maka haram terhadap orang kaya menyimpan harta. Jika sekiranya tertegak sebuah negara Islam di atas asas-asas ini, maka nescaya kita berbanyak-banyak terima kasih. Saya akan terus tetap bersama-sama dengan orang-orang yang mempunyai hasrat ini, Saya menyeru semua pihak supaya melaksanakan undang-undang Islam. Seruan ini saya ajukan adalah semata-mata kerana Allah, bukan kerana wang ringgit, pangkat dan harta. Di dalam dunia hari ini sememangnya terdapat di setengah-setengah negara, di mana orang-orang Islam terdiri daripada penduduk yang minoriti. Sebaliknya pula terdapat juga orang-orang yang bukan Islam hidup di dalam negara yang majoritinya terdiri daripada umat Islam, dengan bebasnya. Meski pun begitu, ada pula di antara mereka ini yang membuat sabotaj dan propaganda kononnya mereka ditindas oleh orang-orang Islam. Sekarang mari kita buktikan, apakah benar sebagaimana yang mereka katakan itu? Sebenarnya jika kita tinjau di mana-mana negara pun belum pernah kita dapat seorang manusia yang bukan Islam ditindas atau dianiayai, bahkan kita lihat orang-orang yang bukan Islam hidup dengan bebas, aman makmur di tengah-tengah masyarakat Islam. Sebaliknya pula orang-orang Islam yang hidup di tengah-tengah masyarakat kafir mengalami berbagai-bagai tekanan dan penindasan!

Saya tidaklah hendak membongkar setiap apa yang tersimpan di dalam sanubari orang yang bukan Islam, kerana pekerjaan seperti ini terserahlah sahaja kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dia lebih mengetahui setiap apa yang tersirat di dalam sanubari mereka. Cuma di sini suka saya mengambil peluang untuk menyuarakan dan menyatakan hak kebenaran dengan bebas, kerana kebebasan menyatakan kebenaran adalah merupakan kurniaan dari pemerintahan Islam. Adapun tentang 'aqidah, beriman atau tidak seorang insan itu terpulanglah kepada qudrah dan iradah Allah Subhanahu Wata'ala. Kenyataan ini terdapat di dalam firman Allah yang berbunyi;

وَقُلْ لِلْحَقِّ مِنْ رَبِّكُمْ فَمَنْ شَاءَ فَقَبِيْعُمْ وَمَنْ شَاءَ فَلَيَكْفُرْ إِنَّا أَعْذَّنَا لِلظَّالِمِينَ نَارًا أَحَاطَ بِهِمْ سُرَادِفَهَا وَإِنْ يَسْتَغْيِثُوا يُغَاثُوا يَمَاءٍ كَالْمُهْلَ يَشْوِي الْوُجُوهَ بِئْسَ الشَّرَابُ وَسَاعَةً مُرْتَقَةً (29)

Maksudnya:

*Maka sesiapa sahaja yang dikehendaki supaya beriman, maka dia akan beriman. Dan sesiapa yang Allah kehendaki menjadi kafir, maka dia akan menjadi kafir."*

(Surah Al-Kahfi: Ayat 29)

Berhubung dengan keimanan sememangnya kita tidak berkuasa untuk menjadikan seorang itu beriman atau kufur. Tetapi, bukankah selain dari kontek ini kita bebas bersuara untuk menyatakan kebenaran?

Catitan sejarah semenjak dahulu hingga sekarang ini membuktikan bahawa sekali pun golongan minoriti orang-orang yang bukan Islam hidup di tengah-tengah masyarakat dan negara Islam, namun begitu mereka mendapat perlindungan keamanan, kebebasan bekerja dan beribadat. Jikalau tidak kerana kerajaan Islam, maka sudah tentu tidak akan wujud lagi seorang Yahudi di atas muka bumi ini! Sekarang cubalah kita lihat pula, manakah sebuah negara di dalam dunia hari ini, yang minoritinya umat Islam pernah melantik seorang menteri dari kalangan orang Islam? Sedangkan di dalam negara-negara yang penduduknya ramai terdiri daripada orang-orang Islam, maka kita lihat orang-orang yang bukan Islam bukan sahaja memiliki bangunan-bangunan menara gading dan tanah harta yang berpuluhan-puluhan ekar, malahan ramai pula di kalangan mereka yang menjawat jawatan menteri dan sebagainya! Tidak keterlaluan jika saya ceritakan, bahawa pernah suatu masa berlaku di Mesir ini, di mana saudagar-saudagar import eksport kain terdiri dari orang-orang Yahudi...'

Undang-undang yang dikenakan keatas orang-orang Islam, maka undang-undang itulah juga yang dijatuhkan ke atas orang-orang yang bukan Islam. Tidak ada perbezaan. Bahkan kita lihat ramai pula orang-orang Islam membeli-belah, pergi mendapatkan rawatan di tempat-tempat yang bukan dimiliki oleh orang yang seagama dengan mereka dengan tidak ada rasa sensitif!! Seorang Muslim yang menceroboh seorang yang bukan Islam tetap menerima hukuman sama seperti ia menceroboh seorang Muslim. Mengikut riwayat Al-Hassan bin Muhammad, bahawa hukuman seperti ini pun pernah dijalankan oleh Rasul 'alaihissalam, yang mana Beliau pernah menjalankan hukuman bunuh ke atas seorang Islam yang membunuh seorang yang bukan Islam. Sesungguhnya Khalifah 'Umar juga pernah menjatuhkan hukuman sebat ke atas seorang anak Gabnor Mesir di atas kesalahannya memukul anak kepada seorang kristian! Bahkan masih ingatkah kita kepada perjanjian yang dibuat di antara Rasul 'alaihissalam dengan orang-orang yang bukan Islam pada masanya, di mana kita lihat umat-umat Islam semuanya patuh kepada apa yang diarahkan oleh Al-Qur'an.

## KEDUDUKAN WANITA

---

Kedudukan wanita di dalam masyarakat kita hari ini begitu ketara sekali. Yang mana hak-hak asasi bagi kaum wanita diabaikan dan hampir dilupakan. Sekali pun buat masa ini, kononnya terdapat golongan yang cuba memperjuangkan hak-hak kewanitaan. Tetapi, apakah golongan ini terbaca dan pernah membuat kajian bagaimana Islam telah pernah berjaya mengangkat posisi dan status kedudukan wanita? Jangan-jangan golongan ini cuba hendak menjadikan masyarakat wanita Islam seperti mana masyarakat wanita di Eropah!

Jangan terburu-buru wahai tuan-tuan! Lihatlah, bahawa di masa pemerintahan Islam, kedudukan wanita telah pun disamakan pada beberapa sudut. Kaum wanita dibolehkan mengeluarkan fatwa, mengajar, meriwayat Hadith dan memberi syarahan yang berguna di dalam majlis-majlis dan lain-lain lagi... Malahan di zaman Islam, pernah Saidatuna 'Aisyah dilantik sebagai juru perunding kepada dua golongan umat Islam yang berperang di masa itu, Dia juga merupakan tempat rujukan para sahabat yang datang meminta fatwa dan keterangan. Manakala Zainab bt Ummu Abu Salamah pula merupakan wanita yang sangat faqih. Seseorang suri rumah tangga boleh membelanjakan hartanya sendiri dengan tidak payah meminta keizinan suaminya terlebih dahulu. Wanita boleh bekerja di dalam bidang atau sektor yang bersesuaian dengan sifat kewanitaannya. Isteri kepada 'Abdullah bin Mas'ud keluar rumah untuk bekerja mencari nafkah bagi seisi rumahnya. Zainab bt Jahshin pernah bekerja sebagai juru proses makanan. Wanita dibolehkan berniaga dan membuat amal jariah. Paling kurang suri rumah boleh menghabiskan masa-masa lapangnya dengan menjahit, mengait baju dan kerja-kerja yang memberi manfa'at. Jika mengambil upah memotong baju, maka janganlah memotong kain baju yang mendedahkan 'aurat saraf! Tidakkah kamu lebih suka melihat wanita itu terpelihara kesucian dan kehormatannya!? Di antara bahan-bahan bacaan yang saya terbaca, iaitu wanita tidak boleh disamakan dengan lelaki di semua sudut. Ini memandangkan kepada kejadian bentuk tubuh badan dan rangka fizikal wanita jauh berbeza dengan kaum lelaki. Paras rupa wanita ciptaan Allah disudut zahir pun sudah berbeza dengan lelaki, jadi masakan boleh disuarakan untuk meminta kebebasan dan persamaan di antara kaum wanita dengan kaum lelaki di segenap segi!!!

Sesungguhnya Islam menyamakan kaum perempuan dengan lelaki di sudut hak-hak dan kewajipan tertentu. Adapun di bidang pekerjaan yang di luar rumah dan sosial, maka tidaklah boleh hendak disamakan. Di dalam masyarakat barat umpamanya, kita melihat terdapat pergaulan sosial yang amat ketara sekali. Mengikut kajian kemasyarakatan oleh Bangsa-bangsa Bersatu yang saya terbaca, (yang dibuat kajian pada tahun 1959), membuktikan bahawa dunia pada masa itu menghadapi masalah kandungan yang halal dan yang haram. Umpamanya di Vanama kadar kelahiran yang haram (iaitu anak di luar nikah) meningkat sampai ke angka 75%. Tetapi di dalam negara yang majoriti umat Islam, kadar kelahiran yang di luar syara' mungkin jarang-jarang sangat kita kedengaran berlaku sedemikian. Inilah buktinya tentang keagungan sistem Islam di sudut moral, sosial dan 'aqidah. Kita sangat-sangat menyeru pihak yang berkuasa dan menuntut mereka supaya melaksahakan tarbiyyah Islamiyyah dengan lebih betul, hinggalah tertegaknya negara Islam.

Terkadang ada orang menyangka bahawa masyarakat barat maju kerana wanita-wanita mereka sudah tidak berpegang lagi kepada ajaran agama yang mereka anuti, maka dengan sebab itu mereka maju. Sebaliknya masyarakat kita kononnya terlalu sangat berpegang pada ajaran agama Islam, maka dengan sebab itu kita mundur di dalam serba-serbi? Pendapat golongan ini membuktikan bahawa mereka masih ada rasa prajudis (terhadap sudut tertentu) terhadap Agama yang mereka anuti ini. Sebenarnya orang-orang Eropah amnya masih kuat berpegang pada ajaran agama mereka. Lihatlah pada hari Ahad umpamanya, Gereja-gereja mereka penuh sesak dengan orang-orang yang datang untuk sembahyang. Padri-padri mereka juga begitu giat dan aktif menyampaikan da'wah kristian ke seluruh pelusuk di dunia ini. Telah berjuta-juta dollar dihabiskan di atas tujuan itu. Agama sebenarnya tidaklah menghalang kemajuan. Dakwaan orang yang mengatakan bahawa sesiapa yang hendak maju hendaklah mengenepikan agama kerana jika terlalu berpegang sangat pada agama, kita menjadi mundur dan jahil, adalah tidak benar sama sekali. Masyarakat barat sangat-sangat mengambil berat tentang ilmu pengetahuan dan dengan ilmulah mereka berjaya. Masyarakat Islam pula memandang penting pada ilmu pengetahuan, dengan sebab itu mereka menjadi jahil dan ketinggalan dalam kemajuan! Apabila telah wujud sebuah negara Islam, sistem pendidikan Islam akan benar-benar memberi kesan, nescaya keadaan masyarakat kita tidak dilanda kemunduran seperti apa yang berlaku pada hari ini dan sudah tentu tidak akan terdapat lagi sebarang manusia yang menghalang untuk wujudnya sebuah negara Islam yang tunduk melaksanakan Undang- undang yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

## KELEBIHAN ILMU

Islam meletakkan taraf orang yang berilmu ke suatu tempat yang paling tinggi, Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala mengaku bahawa Malaikat dan orang yang berilmu sahaja yang mengaku tentang keesaanNya. Firman Allah:

شَهَدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمُ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ (18)

Maksudnya:

*Allah mengaku dengan diriNya sendiri, bahawa tidak Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah. Malaikat dan golongan yang berilmu juga mengaku demikian.*

(Surah Ali 'Imran: Ayat 18)

Allah meletakkan orang berilmu di tempat yang paling tinggi. Keterangan ini terdapat di dalam firman Allah yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَاقْسِحُوا يَقْسِحَ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ اشْرُذُوا فَانْتَرُذُوا يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ يَعْلَمُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ (11)

Maksudnya:

*Allah mengangkat golongan yang beriman lagi berilmu daripada golongan kamu kepada beberapa darjat...*

(Surah Al-Mujadalah: Ayat 11)

Allah bezakan golongan yang berilmu dengan yang tidak berilmu, seperti firmanNya :

أَمْنٌ هُوَ قَاتِلٌ آنَاءَ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذِرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُو رَحْمَةَ رَبِّهِ فَلْ هَلْ يَسْتُوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَنْذَكِرُ أُولُوا الْأَلْبَابِ (9)

Maksudnya:

*Masakan boleh hendak disamakan di antara golongan yang berilmu dengan yang tidak berilmu"!*

(Surah Al-Zumar; Ayat 9)

Di sana terdapat pula beberapa Hadith yang menerangkan tentang kelebihan 'alim 'ulama'. Sabda Rasul 'alaihissalam:

Maksudnya:

*Sesiapa yang menuntut ilmu pengetahuan, hingga menjadi seorang yang 'alim, maka dia akan diberi pahala yang berlipat ganda. Dan sesiapa yang menuntut ilmu pengetahuan, tetapi tidaklah sampai ke taraf 'alim 'ulama', maka dia juga akan diberi ganjaran.*

Sabda Rasul 'alaihissalam lagi:

Maksudnya:

*Contoh perbandingan seorang penuntut seperti orang yang bernyawa dan sijahil seperti bangkai!*

Maksudnya:

*Sesiapa yang menuntut ilmu, dia telah menebus segala dosa-dosa yang telah lalu.*

Di dalam kitab-kitab Hadith banyak lagi Hadith-hadith yang menerangkan tentang kelebihan mencari ilmu. Andailah kiranya sebuah negara Islam telah melaksanakan sistem pembelajaran dengan begitu berhati-hati dan terperinci, maka nescaya tidak ada lagi seorang pun yang enggan untuk mewujudkan sebuah negara Islam yang amat suci!

Saya tidak menyangka bahawa tidak seorang pun yang jahil tentang Islam dan tentang kelebihan-kelebihan yang terdapat di dalam ajarannya. Khususnya ketua-ketua pemimpin masyarakat takanlah mereka pun tidak tahu di dalam perkara ini? Saya yakin bahawa terdapat di antara pihak yang berkenaan, yang faham. Cuma masalahnya apakah mereka ini benar-benar beriman dengan Allah ataupun tidak? Jika benar-benar kita beriman dengan Allah sudah pasti kita melaksanakan apa yang diperintahkan, Jika tidak benar-benar beriman, maka perbincangan saya ini sudah tentu tidak bererti. Nampaknya jika kalam dari Allah dan RasulNya pun kamu masih tidak berpuas hati, apa lagi dengan tulisan saya ini, barangkali sudah tentu orang-orang yang berkenaan tidak akan berpuas hati. Begitulah juga dengan hasil-hasil tulisan 'ulama'-'ulama' yang lain...

## PERBEZAAN PENDAPAT

Sebenarnya perbezaan pendapat yang wujud di antara kita dengan golongan yang berkuasa ialah kerana kita mengutamakan dalil-dalil naqal (Al-Qur'an dan Al-Sunnah) lebih dari dalil-dalil 'aqliyyah. Kita menuntut perlaksanaan Syari'at Islam bukan sekadar berdailog dan berforum sahaja. Bahkan kita membantah sikap segolongan yang menjadikan syari'at Allah sebagai bahan perbincangan dan perbahasan bukan sebagai PETUNJUK yang dipatuhi. Sesungguhnya syari'at Allah tidak boleh dijadikan kertas-kerja yang perlu diperbincangkan kerana Syari'at Allah itu semuanya benar: Allah Subhanahu mengingatkan:

Selain daripada apa yang diberi pertunjuk oleh Allah adalah batil, samada lahir mahu pun batin. Oleh yang demikian tidak perlu lagi kita berdailog di dalam perkara yang telah diputuskan oleh Allah dan RasulNya SallaLlahu 'alaihi Wasallam:

Sekalipun pihak yang berkuasa tidak mahu mengendahkan segala macam nasihat yang benar ini, namun begitu kebenaran tetap kebenaran buat selama-lamanya, sekalipun sedikit orang-orang yang berpegang dengan Al-Qur'an dan Al-Sunnah! Sebaliknya kebatilan tetap kekal sebagai kebatilan, sekali pun ianya dijulang oleh golongan nasionalis dan materialis!! Firman Allah Subhanahu Wata'ala:

Maksudnya:

*"Jelaskan (wahai Muhammad) Demi Allah, Jika sekiranya jin dan manusia bermuafakat membuat dan mendatangkan ayat-ayat seperti Al-Qur'an ini, nescaya mereka tidak mampu berbuat demikian, sekalipun mereka bergotong-royong."*

Tidak diragukan bahawa setiap yang batil akan hilang. Sesiapa pun tidak sepatutnya melambat-lambatkan dari melaksanakan undang-undang syari'at, di atas alasan kononnya undang-undang syari'at sudah tidak sesuai lagi buat masa ini. Sesiapa yang bersikap demikian hendaklah mengundur diri, kerana sekali pun Islam memberi kebebasan berfikir, tetapi janganlah sampai melanggar batas-batas hingga menjadi kufur! Risiko dari kebebasan yang berleluasa, hingga ada golongan yang sanggup mengingkari hukum-hukum syara' dan **memisahkan agama dari politik!** Mana-mana negara yang majoriti penduduknya terdiri dari penganut agama Islam bersikap demikian, bererti parahlah akibat yang akan mereka terima nanti.

Tidak ada sebuah negara pun di dalam dunia ini yang memberi kebebasan, sepetimana yang diberikan oleh negara Islam kepada semua rakyat jelata, sekalipun ada yang berlainan agama dan bangsa. Kebebasan sebenarnya bukanlah hak milik mana-mana individu tetapi kebebasan adalah merupakan pemberian Allah sebagai suatu unsur kebahagiaan manusia. Kebebasan bukanlah milik sesiapa yang boleh diperlakukan sesuka hati, Kebebasan adalah pemberian Allah untuk manusia. Ibarat perut memproses makanan, adakah sesiapa yang mengarahnya supaya menghadam makanan? Sudah tentu tidak! Malahan perut menghadamkan makanan kerana Allah mencipta serta menentukan peranannya sedemikian. Begitulah kemerdekaan dan kebebasan adalah suatu nikmat pemberian Allah untuk kebahagiaan manusia hatta sesiapa pun tidak boleh mencerobohi dan bersikap zalim. Barangsiapa yang menyekat dan menghalang kebebasan, bererti dia telah menyekat anasir kehidupan manusia, sama seperti dia memotong bekalan air dan udara. Andainya orang yang melakukan perkara ini sendiri yakin, bahawa sebarang

manusia tidak mungkin dapat hidup tanpa makan dan minum, maka begitulah juga bahawa tidak mungkin hidup bahagia oleh mana-mana individu dan masyarakat tanpa kemerdekaan dan kebebasan...!

Saya tidaklah menafikan bahawa akal yang waras boleh memainkan peranan sepanjang kehidupan manusia bahkan dengan akal yang waraslah, maka manusia berbeza dari binatang! Dengan akallah manusia layak menerima ajaran Islam. Akan tetapi, apa yang saya timbulkan di dalam perbincangan yang lalu adalah kerana adanya setengah golongan yang mengutamakan pendapatnya dari syari'at Allah Tuhan semesta alam. Sedangkan ahli fikir mana pun apabila berhadapan dengan Syari'at Allah mestilah tunduk dan patuh. Firman Allah:

فَلَا وَرَبَّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا (65)

Maksudnya:

*Maka demi TuhanMu, mereka (pada hakikatnya) tidaklah sebenar-benarnya beriman sehingga mereka memperhakimkan setiap perkara yang mereka perselisihkan dengan undang-undang Engkau. Kemudian mereka tidak lagi merasa berat di dalam hati mereka di atas hukuman yang Kamu jatuhkan itu. Dan semua mereka menyerah diri dengan tulus ikhlas.*

(Surah Al-Nisa': Ayat 65)

Sesebuah negara Islam mestilah beriltizam dengan maksud ayat ini dengan sebenar-benarnya di samping mendorong manusia pula supaya mengamalkannya dengan bersungguh-sungguh hatta manusia sejagat semuanya mendapat limpah ruah nikmat dari Allah Subhanahu Wata'ala yang agung ini. Jika sekiranya negara Islam hari ini benar-benar memberi perhatian tentang pembelajaran dan pendidikan mengikut ajaran Islam, nescaya ramai pelajar-pelajar yang sudah memahami ajaran Islam. Tetapi keadaan sebenarnya tidak demikian. Anak-anak Muslim memahami teori Darwin dan Socrates lebih mendalam dari ajaran agama mereka sendiri! Jika negara Islam benar-benar mentarbiahkan generasi muda-mudinya mengikut tarbiyyah Islamiyyah, nescaya sudah lama mereka sudah maju dan kukuh, dengan tidak payah mereka menyembah dan meminta kepada orang lain. Apa perlunya kita meminta kepada orang lain lagi, sedangkan kita sudah boleh berdikari. Bahkan boleh membebaskan manusia amnya dari kejahilan, ketakutan dan kepalsuan hidup... Tetapi malang, pihak berkuasa masih belum, mahu mencuba!! Kenapa dan mengapa...? Andainya negara Islam mengutamakan rakyat jelatanya mempelajari politik, sosiologi akhlak dan perindustrian mengikut Al-Qur'an dan Al-Sunnah, bukan mengimport sistem pelajaran daripada negara yang bukan Islam, seperti yang berlaku hari ini, maka sudah lama kita telah maju di bidang peradaban, pembangunan dan kerohanian, berbanding dengan negara-negara lain di dalam dunia ini.

## PEMIMPIN ISLAM

Pemerintahan Islam ialah pemerintahan yang menjalankan sistem pemerintahan dengan seluruh undang-undang Islam samada di sudut pembangunan material mahupun

kerohanian, segala-galanya mengikut syari'at Allah Subhanahu Wata'ala. Ada pun pemimpin yang bukan Islam, maka dia memerintah mengikut undang-undang buatan manusia, yang boleh ditukar dam dipinda mengikut keadaan tempat dan suasana! Inilah undang-undang yang memerintah kita pada hari ini. Undang-undang ini di suatu masa telah dipinda berulang-kali. Dalam pada itupun sesiapa yang cuba menyentuhnya (mengkritiknya) bagaikan tersentuh berhala yang berpuaka!!!

Sesungguhnya seseorang pemimpin Islam sangat-sangat merasai bahawa dia sentiasa di dalam pemerhatian Allah Yang Maha Mengetahui. Dia selalu merasa takut dengan pengawasan Allah melainkan orang yang telah dibutakan mata hatinya maka sudah tentu ia tidak lagi dapat merasai ini semua. Allah Maha Kuasa melakukan tindak balas ke atas siapa sahaja yang melakukan kezaliman! Firman Allah Subhanahu Wata'ala:

إِنَّ بَطْشَ رَبِّكَ لَشَدِيدٌ (12)

Maksudnya:

*Sesungguhnya hukuman Tuhan kamu itu amat dahsyat!!*

(Surah Al-Buruj; Ayat 12)

Adapun negara yang bukan islam, pengawasnya adalah undang-undang yang mereka cipta sendiri, di mana pihak yang berkuasa boleh mengubah dan meminda jika kepentingan mereka menuntut mereka berbuat demikian. Di sini dapat dilihat dua jenis pemimpin yang berbeza. Satu pemimpin yang tunduk kepada syari'at Allah dan satu pemimpin lagi, undang-undang pula yang tunduk kepada kehendaknya! Di dalam negara Islam, dua kalimah syahadah merupakan asas utama bagi keadilan dan segala-galanya. Di dalam dua kalimah syahadah inilah letaknya segala rahsia keagungan Allah Subhanahu Wata'ala. Tanpa berpegang dengan dua kalimah syahadah ini, maka negara tersebut tidak berfungsi lagi dan ia bukan lagi negara Islam yang sejati. Negara Islam ialah negara yang menjalankan undang-undang syara' dengan begitu rapi dan teliti di mana setiap rakyat wajib mematuhi dan menta'ati segala arahan pemimpin, selagi arahan mereka tidak bercanggah dengan Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Terdapat maksud di dalam sepotong Hadith bahawa Allah tidak menerima taubat orang yang mengeji pemimpin-pemimpin yang menjalankan syari'at Allah! Beginilah Islam cuba mengeratkan hubungan di antara pemimpin dengan rakyatnya agar sama-sama berganding bahu dengan penuh rasa tanggungjawab, seolah-olahnya masing-masing nampak dengan jelas akan kelebihan-kelebihan yang dijelaskan oleh RasuluLlah di dalam sabdanya:

Maksudnya:

*Orang yang berpegang dengan Sunnahku di waktu umatku rosak, baginya seratus pahala seperti orang yang mati syahid.*

Sememangnya layak kelebihan ini disandang oleh pemimpin dan rakyat yang bersifat dengan sifat-sifat teryebut, memandangkan kepada peranan dan usaha mereka yang tidak mengira masa dan waktu. Fadhilat seperti yang tersebut di dalam Hadith tadi sudah tentu tidak layak buat orang yang tidak berperanan, berkuku besi dan meninggi diri!

Ketahuilah bahawa negara Islam tidak mungkin mencabuli perjanjiannya dengan negara-negara yang telah dimetri perjanjian damai, biar apa sekali pun agama mereka. Negara Islam tetap akan mematuhi segala perjanjian yang telah dimetrikan itu dengan penuh hati-hati kerana menyahut arahan Al-Qur'an yang berbunyi:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِذَا مَا أَيْلَكُمْ عَلَيْكُمْ غَيْرَ مُحْلِي الصَّدَدِ وَإِنْ هُنْ حُرُمٌ إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ مَا يُرِيدُ (1)

Maksudnya:

*Wahai orang-orang yang beriman! Patuhilah kami semua kepada perjanjian..,*

(Surah Al-Ma''idah: Ayat 1)

Manakah sebuah negara, walau pun negara yang sudah maju mempunyai undang-undang seperti negara Islam, yang melarang sikap bermusuhan dengan negara-negara yang telah dibuat hubungan diplomatik? Tetapi negara islam yang kamu takut-takut sangat ini, ia sendiri (agama Islam) menyuruh mereka berbuat demikian. Firman Allah:

الَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ آمَنُوا وَأَوْرَادُهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَمْ يُهَاجِرُوا مَا لَكُمْ مِنْ وَلَائِهِمْ مِنْ شَيْءٍ حَتَّىٰ يُهَاجِرُوا وَإِنْ اسْتَصْرُوكُمْ فِي الدِّينِ فَعَلَيْكُمُ النَّصْرُ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ مِيَانًا وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ (72)

Maksudnya:

*Dan jika saudara kamu di dalam Islam yang tinggal di negeri orang meminta pertolongan, maka hendaklah kamu semua membantu mereka. Kecuali jika negara kamu sudah membuat perjanjian, maka tidaklah boleh kamu menyerang di atas alasan untuk menolong saudarakamu.*

(Surah Al-Anfal: Ayat 72)

Dengan undang-undang Islamlah sahaja keamanan dunia dapat dijamin. Bukan perjanjian dunia hari ini yang tidak boleh menjamin sebarang keamanan bagi manusia. Lihatlah kepada peperangan yang berlaku pada hari ini di mana tidak siapa yang mengetahui bila ia akan tamat! Kemusnahan bukan sahaja berla-ku pada harta-benda, malahan nyawa manusia Juga diragut oleh senjata-senjata moden yang semakin hari semakin bertambah... Apakah ada Jalan lain selain dari kembali menjalankan syari'at Allah Subhanahu Wata'ala. Fikirlah wahai pemimpin-pemimpin Islam! Sanggupkah kita membiarkan negara kita ini musnah seperti Sepanyol, Palastin dan Lubnan juga sekarang ini akan menuju ke arah kehancuran!

Negara Islam yang kamu anti itu tidaklah mencolek dan menyeksa, membuat propaganda dan menindas, tidak mengharamkan kebebasan ke atas rakyat jelata. Malahan negara tersebut akan berusaha membantu rakyat untuk berfikir dengan cara yang betul. Sesungguhnya negara Islam bukanlah seperti negara-negara yang wujud pada hari ini, yang mengambil undang-undang di sana dan di sini hingga tidak suatu pun yang betul. Semua usaha-usaha kamu ini adalah semata-mata untuk menjadi batu penghalang dari tertegaknya negara Islam, yang mana ianya tidaklah diperintah oleh saudara-mara dan golongan yang sudah tidak bermoral...! Mengikut cerita bahawa Sayyidina 'Umar radiyaLlahu 'anhu tidak pernah melantik ketua-ketua pemimpin atau gabenor dari orang yang ada hubungan kekeluargaan dengannya. Cuma pernah sekali sahaja beliau melantik seorang gabenor yang dari keluarganya. Namun demikian setelah dia dapati keluarganya ini menulis beberapa rangkap puisi yang isi kandungannya tidak bersesuaian dengan himmah seorang gabenor lalu 'Umar selaku Khalifah bertindak melucutkan jawatan tersebut dan digantikan dengan orang lain.

Pemimpin negara Islam bukanlah hanya asyik meluahkan ucapan-ucapan yang berjela-jela panjang, yang keluar ke masjid jika diundang bertujuan untuk mempernampakkan roh maknawi kepada rakyat. Malahan pemimpin negara Islam setiap waktu ingatkan Allah. Dia tidak rela bertopengkan kepada amalan-amalan baik ini hanya untuk mengukuhkan kedudukan, atau bertujuan untuk menutup kemungkaran. Tetapi yang diperjuangkannya ialah untuk menegak kebenaran. Kebenaran tetap akan berkekalan sepanjang zaman...

Sesiapa yang ingin mengetahui bagaimana sebuah kerajaan Islam yang sebenar, maka saya syorkan supaya dia membaca "Rasa'il", sebuah buku yang ditulis oleh Al-Imam Al-Syahid Hassan Al-Banna. Setiap yang menganalisa dan mengkaji demi cintakan kebenaran, kebenaranlah matlamat yang dicari-cari maka dia akan merasa senang hati apabila dia tamat membaca buku tersebut. Malah lebih baik dari dia menghabiskan masa dengan membaca teori itu dan ini...

Wahai Umat Muslimin! Inilah sebahagian dari ciri-ciri negara Islam, yang tidak ditandingi oleh negara sekular (sosialisma, nasionalisma, komunisma, kapitalisma dan lain-lain). Sistem pemerintahan Islam sahaja yang boleh memerintah dunia ini. Sekurang-kurangnya dengan sistem Islamlah sahaja boleh menjamin negara-negara Islam hari ini dari tercemar. Dengan Islam imej umatnya akan meningkat menjadi maju jaya, istimewa pula apabila dilihat kepada kedudukan geografinya di mana negara-negara Islamlah yang paling banyak memiliki sumber-sumber kekayaan, jika hendak dibandingkan dengan negara-negara yang bukan Islam. Kekayaan yang Allah kurniakan kepada bumi kita ini bukan sahaja cukup untuk dimanfa'atkan pada umat islam sahaja, malahan cukup untuk dunia amnya.

Sesiapa yang benar-benar beriman dengan Allah, maka wajiblah ia berjihad untuk menegakkan negara Islam yang sebenar Adapun dalam masa kita menyembah Allah dan menjadikan agama Islam sebagai anutan kita serta mengaku pula kebesaranNya, mengapa pula pada masa yang sama kita bertindak menentang golongan yang menyeru ke arah menwujudkan sebuah negara Islam yang memerintah ummah Islamiyyah!!!?

Slogan... Slogan...

Tapi, lain makna di hati!

Siapa faham...?

Hanya Allah Yang mengetahui...

Wahai Allah! Tunjukkanlah kebenaran kepada kami. Jadikanlah kami pengikut yang beriltizam. Pernampakkanlah kepada kami perkara yang batil Iltizamkan kami untuk menjauhkan diri dari melakukannya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala:

فَلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنْ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ (108)

Maksudnya:

Katakan (wahai Muhammad a.s.), bahawa inilah jalanku. Aku menyeru diriku sendiri dan umatku ke jalan Allah dengan penuh keyakinan. Dan mahasuci Allah. Dan bukanlah aku dari kalangan orang-orang musyrik."

(Surah Yusuf: Ayat 108)

*Allah Yang Maha Mengetahui*